

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PLG 310 - Kaedah Mengajar Biologi I

Masa : [2 jam]

Jawab Soalan No. 1 dari Bahagian A yang diwajibkan. Pilih dan jawab mana-mana DUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. "He who can, does
He who cannot, teaches"

(George Bernard Shaw)

Petikan di atas seolah-olahnya memberi gambaran bahawa orang yang memasuki profesyen perguruan terdiri daripada individu-individu yang tidak mempunyai kebolehan yang jelas.

Untuk menyangkal pendapat George Bernard Shaw, adalah perlu untuk menunjukkan bahawa profesyen perguruan mempunyai asas-asas pengetahuan yang khusus kepada profesion tersebut dan sesiapa yang ingin menjadi guru terlatih mesti mengikuti kursus perguruan untuk menguasai bidang-bidang pengetahuan yang tersebut.

Sebagai seorang guru Biologi, namakan dan bincangkan asas-asas pengetahuan yang perlu untuk membolehkan seseorang guru terlatih mengajar Biologi.

[40 markah]

BAHAGIAN B

2. Berikan tiga contoh miskonsepsi yang mungkin berlaku di kalangan murid-murid Tingkatan Empat.

Bincangkan bagaimana miskonsepsi-miskonsepsi tersebut berlaku.

[30 markah]

...2/-

3. (a) Dengan membuat dan merujuk kepada satu peta konsep untuk konsep "respirasi", terangkan maksud peta konsep dan bagaimana peta konsep dibina.
- (b) Bincangkan aplikasi-aplikasi pemetaan konsep dalam pengajaran Biologi.

[30 markah]

4. (a) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan "set induksi". Beri satu contoh set induksi untuk pengajaran tajuk "pembahagian sel".
- (b) Dengan ringkas terangkan peranan ilustrasi dalam pengajaran Biologi.

Apakah ciri-ciri ilustrasi yang berkesan?

[30 markah]